

## PEPERANGAN-PERANGAN DI ASIA

### PERANG JAWA

PERANG INGGERIS BURMA 1

PERANG INGGERIS BURMA 2

PERANG INGGERIS BURMA 3

PERANG JEPUN CHINA 1895

PERANG JEPUN MANCHURIA 1932

PERANG JEPUN CHINA 1937

PERANG DUNIA 1 - 1917

PERANG DUNIA 2 - 1941

PERANG KEMERDEKAAN INDIA @ DAHAGI INDIA

PERANG CANDU 1

PERANG CANDU 2

PERANG FILIPINA SEPANYOL

PERANG FILIPINA AMERIKA SYARIKAT

PERANG VIETNAM PERANCHIS

### SEBAB PEPERANGAN

#### 1. TIDAK MENGHORMATI PERJANJIAN

- Keengganahan burma untuk membayar ganti rugi
- Belanda tidak menghormati perjanjian antara dipo negoro dan inggeris semasa jawa diperintah oleh inggeris untuk melantik dirinya sebagai amangku buwono iv
- China tidak puas hati terhadap perjanjian Tientsin

#### 2. ISU-ISU AGAMA

- The wide spread activities of Christian missionaries endangered religious sentiments. India, China, Jepun, Burma, Indonesia,dan Vietnam.
- Penindasan Kristian oleh masyarakat pribumi
- Masalah agama – Belanda buat jalan atas perkuburan keluarga Dipo Negoro
- Mendaulatkan Islam di Jawa dan menentang penjajahan kafir
- Masalah Kasut ke Kuil Budhha.
- Diskriminasi pengikut Kristian Sepanyol dan Fillipina
- Inggeris tidak menghormati amalan dan adat serta budaya dalam agama Hindu.
  - Memansuhkan amalan Sutte- pada Inggeris amalan ini kejam. Orang Hindu melihat amalan ini satu lambang kesucian.
  - Amalan membunuh anak perempuan
  - Amalan Thugge – perompak yang membunuh untuk Dewa Kali.
- Isu Minyak – babi dan lembu

- Isu Lembu – lambang kesucian dan ketuhanan Hindu

### 3. ISU-ISU SEMPADAN

- Bodawpaya melintasi sempadan India yang dikuasai Inggeris untuk membentras pemberontakan Chin Byan. - sebab Perang Inggeris-Burma

### 4. KEDAULATAN

- Ancaman terhadap nilai agama – Perang Jawa, Dahagi India, Perang Filipina Sepanyol, Perang Vietnam Perancis.
- Ancaman kedaulatan terhadap sempadan – Perang Inggeris Burma 1 ( 1824)
- Ketidakpatuhan undang-undang negara Perang Inggeris Burma 3 ( 1885)
- Kehilangan maruah dan harga diri negara – Perang Dunia 2
- Doctrine of Lapse ( Doktrin Lesap Waris ) forced Rani Laxmibai of Jhansi and Nana Sahib to revolt. – politik

### 5. PEMBERONTAKAN

### 6. PERJANJIAN BERAT SEBELAH

- Perjanjian Yandabo dilihat sebagai perjanjian berat sebelah dan merugikan Burma. Burma didapati tidak patuh pada perjanjian dan berhasrat untuk mengambil wilayah yang diserah kepada Inggeris
- Cina tidak puas hati ia terpaksa membuka pelabuhannya kepada kuasa Barat dan telah mencetuskan - Perang Candu 2.
- Musnahnya institusi Co-Hong dan menjelaskan penguasaan pedagang Cina di Cina. - Perang Candu 2.
- Jepun tidak berasa puas hati dengan pembahagian kuota dan perkembangan ketenteraan yang tidak seimbang dengan pembahagian kuota 5:5:3:1.75:1.75 iaitu AS-5, British-5, Jepun-3, Perancis-1.75, dan Jerman-1.75. Jepun juga tidak boleh memiliki kelengkapan meriam yang lebih besar. – Perang Dunia 2
- Jepun juga tidak puas hati akan hasil Perjanjian Versailles yang manafikan haknya bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai sebuah kuasa besar dan bagi memperoleh kuasa veto dalam LBB. – Perang Dunia 1

### 7. HUBUNGAN DIPLOMATIK TERPUTUS

### 8. ISU PENINDASAN EKONOMI

- The drain of Indian wealth to England. - EKONOMI
- Heavy and Severe Taxation on common people. - EKONOMI

- The new land revenue system ruined many peasant properties.  
- EKONOMI
- Dumping policy of ready made goods in Indian Market and destruction of cottage industries. EKONOMI

## 9. PENINDASAN DALAM PENTADBIRAN NEGARA

### KESAN PEPERANGAN

1. Perjanjian yg berat sebelah--- bukti cth perjanjian Vietnam Perancis
  - a. Condong dan kelebihan faedah kepada penjajah Barat.Lihat kesan dalam perjanjian.
2. Kesan dalam perjanjian...
  - a. Serah wilayah
  - b. Pampasan
  - c. Ugutan dan paksaan
    - i. Buka pelabuhan
    - ii. Hantar wakil
    - iii. Kebenaran penjajahan
    - iv. Jaminan perlindaungan kepada penjajah
  - d. Undang2 – kedaulatan
  - e. Monopoli perdagangan
    - i. Orang asing boleh tinggal dan berdagang
  - f. Agama kristian
  - g. Penasihat/konsul/residen
3. Perubahan pentadbiran dan pemerintahan
  - a. Bentuk atau sistem – raja mutlak kepada Raja Berpelembagaan .
  - b. Undang-undang barat dan terpinggir perundangan tradisional.
  - c. Kuasa raja – kaitkan dengan 3 a.
  - d. Perubahan peranan pembesar
  - e. Kejatuhan dinasti / Musnah sistem beraja.
4. Penindasan terhadap kepimpinan/hukuman.
  - a. Jose Rizal – penjara/bunuh.
  - b. Pemimpin gereja dibunuh.
  - c. Sukarno, Hatta dipenjara.
  - d. Kepimpinan PKI diburu – Alimin, Tan Melaka.
  - e. Mahatma Ghandhi dipenjara.

## **PERANG JAWA 1825-1830**

Faktor-faktor yang mencetuskan perang jawa

a)faktor pembatalan kontrak sewa tanah

- 1- semasa Baron Van Der Capellan menjadi Gabenor Jeneral Jawa, saudagar-saudagar Eropah tak dibenarkan membeli tanah tapi dibenarkan bagi tujuan sewa daripada pembesar. Mengikut syarat-syarat penyewaan, mereka berhak menanam tanamanyang disukai dan berhak mengawal dan memerintah petani.
- 2- Bagi Capellan, ini satu penindasan bagi petani dan membatalkan kontrak sewa tanah tersebut.
- 3- Saudagar-saudagar Eropah meminta kembali wang pendahuluan daripada pembesar. Akibat tidak boleh membayar balik wang tersebut, pembesar memaksa petani bekerja lebih masa.
- 4- Keadaan ini mengakibatkan keresahan dikalangan saudagar-saudagar Eropah,pembesar-pembesar tempatan dan kaum tani. Ketidakpuashatian ekonomi ini merupakan salah satu faktor tercetusnya perang jawa.

b)Faktor ekonomi

- 1- Penindasan cukai berlaku. Sebahagian besar pemungut cukai terdiri daripada orang cina yang mengenakan cukai leih tinggi daripada yang ditetapkan
- 2- Orang-orang tempatan yang melalui tanah kerajaan untuk keladang mereka dikawasan pedalaman dikenakan tol dan juga cukai sempadan apabila membawa hasil mereka dari wilayah mereka ke wilayah kerajaan.
- 3- Orang china yang memberi pinjaman wang, mengenakan kadar faedah yang tinggi. Mereka juga menjadi orang tengah dalam perdagangan garam dan membeli hasil pertanian dengan murah
- 4- Oleh itu, masyarakat tempatan menyokong perjuangan Dipo Negoro sebagai menyalurkan tanda kemarahan dan kebencian mereka.

c)Faktor Politik

- 1- Semasa pemerintahan Raffles di Jawa, Hamengkubuwono 3 mangkat pada 1814 dan digantikan oleh puteranya iaitu Djrot dengan gelaran Hamengkubuwono IV, Raffles berjanji akan melantik Dipo Negoro sebagai pemerintah Geogjakarta selepas kemangkatan Dajrot.
- 2- Tempat Djarot diganti oleh puteranya manakala Dipo Negoro dilantik sebagai penasihat sahaja. Oleh itu, Dipo Negoro berdendam dengan kerajaan Belanda

d) Faktor Agama

- 1- Ketokohan Dipo Negoro sebagai pemimpin agama Islam tidak diakui oleh Belanda. Penolakan Belanda terhadap kedudukan Dipo Negoro menunjukkan Belanda tidak menghargai kepercayaan orang jawa.

- 2- Tambahan pula, kerajaan Belanda bertindak membina Jalan Raya di Jogjakarta melalui tanah perkuburan keluarga Dipo Negoro. Tindakan ini merupakan faktor

#### KESAN-KESAN PERANG JAWA

- 1- Ramai penduduk jawa dan tentera Belanda terkorban..200ribu penduduk jawa, 15ribu orang tentera Belanda terkorban
- 2- Belanda mengalami masalah kewangan yang teruk .Membelanjakan 20-25juta Guilder dalam perang ini
- 3- Belanda terpaksa mengurangkan bilangan residensi di Jawa dan menghalang langkah-langkah pemulihian ekonomi dan kewangan
- 4- Belanda menggunakan perang jawa sebagai alasan untuk menguasai wilayah-wilayah seperti Bagellan, Madium, Kendiri serta Banjar Mas
- 5- Belanda memansuhkan undang-undang pembatalan kontrak sewa tanah
- 6- Kawasan-kawasan yang terlibat dalam perang jawa terutamanya Geogjakarta dan Surakarta binasa
- 7- Bagi mengatasi masalah kewangan kerajaan Belanda menghantar Johannes Van Den Bosch ke Jawa sebagai Gabenor General. Beliau telah memperkenalkan sistem tanaman paksa pada tahun 1831

#### PERANG CANDU 1

##### SEBAB-SEBAB

###### 1.KONSEP NEGARA TENGAH DAN PUSAT TAMADUN

- China sebagai org gasar atau fan len.Negara asing dianggap sebagai fan kuo yang kurang bertamadun.
- Maharaja China dianggap sebagai putera syurga.
- China hanya berhubung dengan kuasa2 jiran yang kebanyakannya lemah dn kecil dr segi kekuasaan dn ketuanan China.

###### 2. KONSEP PERDAGANGAN YG BERTENTANGAN

- Sistem perdagangan China sgt bertentangan dgn konsep perdagangan bebas barat
- Demi mengawal dn mangawasi perdagangan kerajaan China meluluskan dikri utk menghad semua perdagangan dgn dunia luar di Canton.

###### 3. PRINSIP PERSAMAAN TARAF YG BERTENTANGAN DN TINDAKAN LORD W.J.NAPIER

- Kerajaan Inggeris telah menggantikn perhubungan persendirian dgn negeri China melalui syarikat Hindia Timur dgn perhubungan rasmi iaitu diantara Britain dgn negeri China.
- Kepentingan perdagangan dn ekonomi menentukan dasar luar kerajaan Britain dn pertimbangan maruah dn imej kerajaan Britain akan menjadi semakin pentingkn.

#### 4. PERTENTANGAN SISTEM KEHAKIMAN

- Berpunca drpd pertentangan kebudayaan,muncul pula pertengtangan system kehakiman antara China dn Inggeris.
- Mengikut system kehakiman Inggeris, hanya org yg terlibat dlm sesuatu kesalahan sahaja yg bertanggungjwb menerima hukuman.

#### KESAN –KESAN

##### 1. PERJANJIAN BOGUE

- Ditandatangani pd 10 Oktober 1843 sbgi perjanjian tambahan Perjanjian Nanking.
- Perjanjian-perjanjian lain
  - a)Perjanjian Wanghia
  - b)Perjanjian Whampoa
  - c)Perjanjian Bowring

##### 2. GERAKAN MENGUATKAN DIRI

- Segelintir pegawai kerajaan Manchu sedar akan perlunya permodenan tentera China

- Ini mendorong mereka meniru teknologi barat terutama dalam senjata

##### 3. PERTUMBUHAN KELAS PEDAGANG MODEN

- Ini merupakan satu kelas yang menukar order lama China kearah perubahan.

##### 4. CABARAN KEPADA INDUSTRI TEMPATAN

- Barang buatan kilang asing mula membanjiri pasaran china
- Industri tempatan tertinggal jauh dan banyak bergerak dipinggir kemufusan

##### 5. PENYEBARAN AGAMA KRISTIAN

- Kumpulan Jusuit dan mubaligh eropah bersama rakan China yang seagama telah menyebarkan agama kristian mazhab katolik dihampir setiap wilayah.

### **PERANG DAHAGI INDIA**

#### SEBAB-SEBAB TERCETUSNYA PERANG DAHAGI

##### 1. Perasaan Dendam Sepoi

- pengambilan tentera am yang memberi pihak inggeris hak untuk menghantar sepoi-sepoi India ke mana-mana sahaja mereka diperlukan.
- Amalan diskriminasi dalam gaji dan layanan di antara sepoi-sepoi dan tentera inggeris serta system kenaikan pangkat mengikut jangka perkhidmatan bukan berdasarkan kebolehan telah menambahkan perasaan kecawa dikalangan sepoi India
- Pengenalan senapang rifle Royal Enfield menyemarakkan lagi perasaan tidak puas hati di kalangan sepoi India.Tersebarnya satu khabar angin di kalangan sepoi bahawanya peluru-peluru yang hujungnya terpaksa digigit

sebelum diisikan ke dalam senapang telah disapukan dengan minyak lembu dan babi.

2. Perubahan-perubahan social

- Rakyat India belum bersedia menerima idea-idea Barat yang radikal secara mendadak. Mereka masih berpegang teguh kepada tradisi dan adat resam yang diwarisi turun-temurun.
- Penyebaran pendidikan Inggeris dianggap sebagai percubaan British untuk Mengkristiankan masyarakat India.
- Teknologi Barat seperti kereta api dan telegraf mengancam kedudukan system kasta  
Dan dianggap sebagai satu langkah mencemarkan agama Hindu.
- Di wilayah yang ditawan oleh Syarikat Hindia Timur banyak keluarga kehilangan  
Tanah dan menjadi miskin akibat kegagalan mereka untuk membuktikan hak milik secara sah.
- Perasaan tidak puas hati semakin memuncak akibat pembubaran tentera selepas  
Suatu wilayah diambil alih oleh pihak Inggeris.

3. Sebab politik

- Dasar Lord Dalhousie yang tidak menghiraukan perasaan India.
- Dasar ini berlandaskan kepada 3 lapis iaitu hak menaklik kuasa agung, undang-undang warisan dan untuk melanjutkan faedah-faedah pemerintahan Inggeris ke atas wilayah yang disalah tadbirkan oleh pemerintah India.
- Dasar tersebut telah menimbulkan perasaan di kalangan pemerintah India.
- Pembatalan bayaran pencen wang Sahib, seorang anak angkat Baji Kolo telah menyebabkan menyertai Dahagi dan menentang Inggeris.

## KESAN-KESAN DAHAGI

1. Penghapusan Syarikat Hindia Timur pada tahun 1858. Ini adalah kerana peletusan Dahagi telah membuktikan syarikat tidak berkebolehan untuk memerintah India yang begitu luas.
2. Mengikut akta kerajaan India tahun 1858, syarikat itu dimansuhkan dan keputusan telah di ambil untuk memindahkan pentadbiran kerajaan India terus kepada kerajaan Mahkota di Singapura.
3. Gabenor Jeneral menerima gelaran Wizurai.
4. Ratu Victoria membuat satu pengumuman pada tahun 1858, menurutnya, putera-putera tidak akan kehilangan hak-hak dan perjanjian-perjanjian yang wujud dengan mereka akan dipelihara.

5. Ratu Victoria juga bertolak ansur dalam hal agama dan meyakinkan mereka bahawa mereka yang layak memegang jawatan awam akan diberikan peluang tanpa mengira kasta atau kepercayaan.
6. Pengampunan umum telah dijanjikan kepada semua pemberontak kecuali mereka yang telah mengambil bahagian dalam pembunuhan rakyat Inggeris.
7. Undang-undang Warisan yang menjadi soal pertikaian dimansuhkan kerana Ratu Victoria telah mengisyiharkan “kami tak inginkan sebarang perlanjutan milik-milik wilayah kami pada hari ini.”

## **PERANG FILIPINA-SEPANYOL**

### **SEBAB-SEBAB PERANG**

1. Penyalahgunaan kuasa dan ketidakcekapan pentadbiran.
2. Pengenalan rancangan ekonomi oleh Sepanyol seperti Sistem Polo dan Vandala menimbulkan rasa tidak puas hati semakin memuncak.  
-Dalam Sistem Polo semua orang Filipina yang berumur 18-60 tahun kecuali ketua-ketua dan anak-anak mereka yang tua yang terpaksa bekerja secara percuma selama 40 hari dalam setahun dengan gaji yang kecil dan adakalanya tidak dibayar. Mereka hanya diberikan beras untuk menyelamatkan diri daripada mati kebuluran.  
-Manakala Vandala pula, ialah sejumlah barang-barang tertentu yang mesti diserahkan oleh orang-orang Filipina kepada kerajaan secara paksa.Vandala ini dijadikan sebagai ufti kepada kerajaan.
3. Rasa tidak puas hati muncul kerana wujudnya sistem Encomienda yang turut menindas dan memeras tenaga orang-orang Filipina.
4. Kemunculan kelas pertengahan.Satu golongan kaya yang berpelajaran dan berpengaruh turut mempercepatkan penentangan kepada penjajah disebabkan oleh rasa tidak puas hati.
5. Rasa tidak puas hati dikalangan paderi-paderi Filipina terhadap kerajaan Sepanyol-Hal ini kerana paderi Filipina tidak diberi layanan yang setanding dengan paderi Sepanyol.Mereka diberikan jawatan-jawatan yang rendah di bawah pengaruh paderi-paderi Sepanyol.
6. Cukai perseorangan yang dikenakan kepada rakyat Filipina.  
-Rakyat Filipina yang miskin atau memiliki harta yang sedikit dikenakan cukai yang tinggi, misalnya barang-barang keperluan seperti beras, gula.Manakala barang-barang mewah yang dimiliki oleh orang-orang berada dikenakan cukai yang rendah.

### **KESAN-KESAN PERANG**

1. Penyatuan rakyat Filipina melalui system pentadbiran yang berpusat di Manila dan melalui agama Kristian.

2. Pendidikan yang diterima membolehkan mengenepikan sekatan-sekatan dari segi puak, kawasan geografi dan menganggap mereka sebagai satu bangsa.
3. Penggunaan bahasa Sepanyol sebagai bahasa pengantaraan turut membantu menyatukan rakyat Filipina.
4. Agama Kristian yang disebarluaskan oleh Sepanyol berkembang dengan pesat dan hampir keseluruhan rakyat Filipina menganut agama Kristian kecuali penduduk Islam di Pulau Selatan.
5. Perkembangan fahaman Liberal dengan pelantikan De La Tore sebagai gabenor Filipina.
6. Pembukaan Terusan Suez 1869 yang membolehkan ramai pelajar Filipina memasuki institusi-institusi pengajian tinggi di Sepanyol.
7. Pembunuhan beberapa orang pemimpin tentera Filipina. Sebagai contoh paderi bangsa Filipina yang dianggap membantu pemberontakan telah dibunuh seperti Jose Burgos dan Juanto Zamora.
8. Wujudnya Revolusi Filipina 1896.

## **PERANG FILIPINA – AMERIKA SYARIKAT**

SEBAB-SEBAB PERANG :

**1. Inginkan Hak Kebebasan**

- Aguinaldo telah bersetuju bekerjasama dengan Konsul Amerika Syarikat, E.Spencer Pratt untuk membantu Filipina bebas daripada penjajahan Sepanyol
- Pada 13 Ogos 1898, Perang Manila telah bermula menandakan tamatnya kerjasama antara orang Filipina dengan Amerika Syarikat.
- Hal ini kerana Amerika Syarikat tidak memberi kelebihan kepada Filipina Memasuki Manila. Pada masa yang sama, Amerika Syarikat telah menandatangani perjanjian damai dengan Sepanyol pada 10 Disember 1898 di Paris.
- Di Amerika Syarikat pula, kongresnya menjadikan Filipina sebagai koloni Amerika Syarikat.

**2. Ketidak adilan undang-undang**

- Syarat undang-undang dagang antara Filipina dengan Amerika Syarikat tidak memberi kelebihan kepada Filipina.
- Perkara tentang kawalan imigrasi orang Filipina ke Amerika Syarikat ditentang.
- Kuasa yang diberi kepada Pesuruhjaya Tinggi Amerika Syarikat tidak jelas.
- Kawasan pangkalan tentera laut dan darat Amerika Syarikat melanggar hak kedaulatan Negara.

## KESAN-KESAN PERANG :

### **1. Faktor Politik**

- Pemerintahan Amerika Syarikat memberi peluang kepada penduduk Filipina  
Untuk menyertai pentadbiran Negara dan meluaskan pendidikan kepada Penduduk Filipina.
- Dasar Liberal Amerika Syarikat telah diperkenalkan dan menyebabkan banyak Parti muncul di Filipina.
- Berberapa rang undang-undang kemerdekaan Filipina telah dibentangkan.

### **2. Faktor Ekonomi**

- Golongan elit Filipina dibenar memiliki tanah yang luas, memberi kuasa dan kekayaan.

### **3. Faktor Sosial Dan Budaya**

- Biro Akhbar di Amerika Syarikat telah ditubuhkan iaitu penerbitan majalah The Filipino People untuk menyiaran tuntutan kemerdekaan rakyat Filipina.

## **PERANG DUNIA 1 & 2**

### SEBAB-SEBAB PERANG

#### 1. Kekuatan tentera Jepun.

- Tentera Jepun lebih agresif dan menjadi kuasa penakluk. Semangat nasionalisme Jepun ini bertukar menjadi ultranasionalisme. Hal ini termasuklah faktor ekonomi, Semangat nasionalisme yang melampau dan tekanan politik.
- Sifat agresif jepun ini pula dicurigai oleh Amerika Syarikat.

#### 2. Tekanan Amerika Syarikat.

- Tekanan yang diberikan oleh Amerika Syarikat terhadap Jepun yang ingin melemahkan Jepun telah menimbulkan kemarahan dan perasaan Jepun terhadap Amerika.
- Usaha untuk membaiki hubungan antara kedua Negara gagal dicapai dan Jepun bertindak menyerang Amerika.

### KESAN-KESAN PERANG

#### 1. Perubahan politik.

- Kesan perang ini telah mengubah senario politik Negara Thai pada penghujung perang tersebut.
- Negara telah dijajah dan diajar untuk mentadbir Negara sendiri. Contohnya di Indonesia.
- 2. Perubahan Ekonomi
  - Ekonomi Negara taklukan mengalami kemerosotan dengan peningkatan harga
  - Barang dan kekurangan barang keperluan.
  - Di China, inflasi melambung dengan hebatnya dan ia memberi kesan negative
  - Kepada ekonomi Negara China.
- 2. Perubahan Sosial
  - Ramai rakyat terseksa dan terbunu. Hal ini terbukti melalui Peristiwa Rape Of Nanking menjadi tanda kekejaman Jepun yang paling ketara dengan pembunuhan kira-kira 300 ribu orang termasuk wanita, kanak-kanak dan orang tua.
  - Kemusnahan di Jepun seperti jalan kereta api rosak, industri batu arang mengalami kejatuhan, minyak hampir tiada, kehabisan pengeluaran barang barang bukan tentera.

## **PERANG CANDU KEDUA**

### **SEBAB-SEBAB PERANG**

- 1. Masalah perdagangan
  - China tidak ingin mengadakan hubungan perdagangan secara langsung dengan pedagang asing tetapi hanya ingin melalui saudagar-saudagar Cina yang diberi kuasa monopoli.
  - Mereka menuntut supaya hak perdagangan bebas asing dihapuskan dan digantikan semula oleh system Cohong.
- 2. Masalah Candu
  - Menerusi perjanjian Nanking, perkara yang berkaitan dengan penyekatan Perdagangan Candu langsung tidak disentuh dan tidak termaktub dalam perjanjian
  - Ini menyebabkan perjanjian Candu semakin meningkat sehingga menimbulkan keimbangan para pemimpin Cina kerana penggunaan Candu boleh mengancam kesihatan, moral masyarakat dan menggugat kestabilan ekonomi Negara ekoran pengaliran wang perak keluar secara berterusan.
  - Tambahan pula, kemasukan barang-barang asing yang berjaya menguasai pasaran tempatan menyebabkan masyarakat Cina bertambah marah terhadap British.
- 3. Keengganan penerimaan persamaan taraf

- Kerajaan Cina enggan mengadakan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa Barat menyebabkan hubungan China-Barat menjadi tegang.
- 3. Penyemakan semula perjanjian
  - Keengganan pihak Cina melaksanakan segala syarat Perjanjian Nanking menyebabkan pihak British mendesak supaya perjanjian yang dibuat dengan China disemak semula.
  - Pihak China enggan menyemak semula perjanjian tersebut kerana menyedari ianya akan memberi lebih banyak tekanan ke atas China.
  - Kegagalan mengadakan semakan semula perjanjian telah menimbulkan reaksi kerajaan british menggunakan kekerasan untuk memaksa kerajaan cina mengadakan semula perjanjian.

## KESAN-KESAN PEPERANGAN

1. Canton ditawan dan Pesuruhjaya Yeh telah ditawan dan dihantar ke India sebagai tawanan perang.
2. Canton diletakkan dibawah pemerintahan Pih-Kwei,Gabenor Kwantung yang dipaksa untuk menyandang jawatan dibawah perintah angkatan bersama British dan Perancis.
3. selepas itu angkatan tentera telah mara ke Tientsin dengan anggapan kerajaan Cina akan tunduk jika ibu kota Peking ditawan. Dalam proses itu wilayah Taku ditawan dan persediaan dibuat untuk menyerang Tientsin. Akhirnya Tientsin ditawan dengan mudah.
4. pada Jun 1858,kerajaan Cina terpaksa menandatangani perjanjian Tientsin dengan British ,Perancis AS dan Rusia

## PERANG INGGERIS-BURMAI

### Sebab-sebab Peperangan

- 1-Disebabkan perjanjian Yandabo yang ditandatangani yang ditandatangani adalah berat sebelah. Perjanjian ini telah menjatuhkan maruah dan kemegahan Myanmar disamping kehilangan wilayah-wilayah naungan mereka seperti Arakan dan Tanasserim kepada Inggeris. Ini menyebabkan masyarakat di Myanmar tersinggung
- 2-Perjanjian Yandabo menyebabkan hubungan Inggeris-Myanmar merosot dimana Myanmar enggan menghormati residen-residen yang telah dihantar oleh pihak inggeris
- 3-Myanmar telah bersetuju untuk menandatangani perjanjian perdagangan tetapi enggan untuk mengeksport beras
- 4-Layanan buruk yang diterima oleh residen Britis yang pertama di Amarapura iaitu Henry Burney daripada Raja Bagyidaw
- 5-Pada masa pemerintahan Raja Tharawadhy , baginda bersikap anti-British dan enggan untuk menghormati syarat-syarat perjanjian Yandabo

- 6-Semasa pemerintahan Pagan Minh pula, baginda juga bersikap anti-British dengan bersikap kejam terhadap para pedagang British
- 7-Penagkapan 2kapten kapal Inggeris ole Gabenor Pegu iaitu Maung Ok. Kedua-duanya telah didenda Sebanyak 1000rupee dan diseksa dengan kejam
- 8-Lord Dalhousie Gabenor General India telah menantar Komodor Lambert dengan sepasukan Kapal Perang Ke Yangon untuk meminta ganti rugi dan mendesak Pagan Minh untuk memecat Maung Ok daripada jawatannya sebagai Gabenor
- 9- Lord Dalhousie telah memberi tempoh kepada Myanmar untuk memenuhi tututan tersebut. Bagaimanapun Myanmar enggan untuk memenuhi tuntutan tersebut. Ini menyebabkan British mengisyiharkan perang terhadap Myanmar

### Kesan-kesan Peperangan

- 1-British Berjaya menakluki seluruh kawasan Myanmar Hilir iaitu dari pelabuhan Yangon hingga ke Toungoo
- 2-Denagn penawanan tersebut, British telah Berjaya untuk menguasai Arakan, Myanmar Hilir dan Tanaserrim. Manakala raja Myanmar hanya berkuasa dikawasan Myanmar Utara Sahaja
- 3-Penawana Pegu membolehkan Inggeris menyatukan wilayah itu dengan Arakan dan Tanaserrim dibawah satu kerajaan di Yangon
- 4-Kuasa Pagan Minh semakin merosot dan seterusnya baginda telah digulingkan oleh Mindon Minh pada februari 1853

## **PERANG INGGERIS-BURMA III**

### **Sebab-Sebab Peperangan**

#### **KEPENTINGAN PERDAGANGAN INGGERIS DI BURMA**

- 1- Keinginan British untuk menguasai Burma Hulu bagi tujuan pembukaan jalan perdagangan dari Burma Ke China yang mempunyai potensi untuk meraih keuntungan yang lumayan
- 2- Desakan daripada badan-badan perdagangan terutamanya Badan perdagangan Manchester supaya membuka jalan perdagangan ke China
- 3- Bagi memenuhi kehendak tersebut, Pahrye iaitu seorang yang memahami sejarah dan latar belakang masyarakat Burma telah dilantik sebagai persuruhjaya tinggi bagi British-Burma untuk mengadakan rundingan dengan Raja Mindon
- 4- Perjanjian diantara Pahrye dengan Raja MIndon telah Berjaya dimeterai. Perjanjian ini membolehkan hubungan diplomatik Inggeris-Burma dijalankan secara rasmi
- 5- Namun perjanjian perdagangan yang ditandatangani itu tak begitu disenangi oleh para pelabur Inggeris. Mereka menuduh Raja Mindon tak menepati

perjanjian tersebut dan mendesak supaya satu perjanjian yang baru dengan Raja Mindon dibuat

- 6- Satu perjanjian yang baru telah ditandatangani diantara Kolonel Albert Fyitche dengan Raja Mindon
- 7- Mengikut erjanjian ini, Raja Mindon bersetuju untuk memansuhkan monopoli diraja kecuali terhadap batu permata, kayu jati dan minyak
- 8- Pada tahun 1874, Inggeris telah melakukan penjelajahan dan penyelidikan terhadap laluan perdagangan dari Bhamo ke Yunan. Namun usaha ini menjadi tegang apabila seorang saudagar inggeris telah mati dibunuhan dalam perjalanan pulang dari Bhamo ke Shanghai di China. Hal ini telah menjadikan hubungan diplomatic diantara Inggeris Burma menjadi tegang semula

#### DASAR LUAR BURMA

- 1- Raja Mindon telah menyababkan hubungan diplomatic diantara Inggeris-Burma terjejas apabila mengadakan hubungan diplomatic dengan dengan Italy dan Perancis dengan tujuan bagi melindungi Burma daripada ancaman British.
- 2- Hubungan Prancis-Burma ini telah menimbulkan kecurigaan Inggeris terhadap Burma
- 3- Pengaruh Perancis semakin meluas di Burma apabila apabila Raja Mindon menghantar wakil rombongan ke Perancis bagi mengadakan rundingan bagi tujuan pembekalan senjata
- 4- Disebabkan berasa bimbang, pihak Inggeris telah menentang hebat tindakan Burma tersebut

#### MASALAH KASUT

- 1- Raja Mindon telah mengarahkan para wakil Inggeris supaya membuka kasut ketikamasuk kekawasan istana. Ini erana, pelanggaran arahan tersebut menunjukkan sifat ketidak sopanan terhadap raja
- 2- Seorang wakil Inggeris iaitu Dogal Forsyth telah diarahkan supaya tidak membuka kasut ketika mengadap Raja Mindon
- 3- Mindon Minh berasa terhina dengan tindakan tersebut lalu menghalau wakil Inggeris tersebut dan kemudiannya memutuskan hubungan diplomatic dengan British

#### KEKEJAMAN DAN KELEMAHAN PEMERINTAHAN RAJA THIBAW

- 1- Selepas Kemangkatan Mindon Minh, satu perebutan takhta telah berlaku di kalangan putera diraja. Akhirnya Thibaw telah dilantik sebagai Raja pada tahun 1878
- 2- Raja Thibaw telah melantik orang-orang terdekat dan saudara mara untuk menyandang jawatan penting dalam pemerintahan. Pegawai-pegawai yang berkelayakkan dan berkaliber telah disingkirkan
- 3- Dibawah pengaruh isterinya iaitu Ratu Supayalat, Thibaw telah membunuh hampir 80 orang kerabat diraja yang dianggap boleh mendatangkan kebahayaan terhadap takhtanya

- 4- Residen Inggeris, Shaw telah membantah pembunuhan tersebut
- 5- Pemerintahan yang lemah dan kejam telah menyebabkan berlakunya huru hara di Burma Hulu.
- 6- Pada 1879, residensi Inggeris di Mandalay telah ditutup berikutan kebimbangan Inggeris terhadap ancaman dan kekejaman raja Thibaw terhadap keselamatan mereka
- 7- Raja Thibaw telah mengenakan monopoli diraja terhadap British. Hal ini telah bertentangan dengan perjanjian yang ditandatangani diantara pihak Inggeris dengan Burma dan ianya telah menimbulkan ketidakpuasan hati dikalangan para saudagar Inggeris
- 8- Berlaku pemberontakan dimerata tempat di Burma dengan cubaan untuk menggulingkan pemerintahan Raja Thibaw

#### PENIPUAN DARIPADA SYARIKAT BOMBAY-BURMA

- 1- Alasan bagi British campur tangan di Burma tersedia apabila Burma menuduh Syarikat Bombay-Burma
  - I)Menebang dan meneksport kayu melebihi apa yang telah dikontrakkan
  - II)Memberikan rasuah kepada pegawai-pegawai Burma
  - III)Tidak memberikan upah kepada para pekerja Burma seperti yang telah dijanjikan
- 2- Syarikat itu telah didenda sebanyak 200ribu paund(23juta rupee) dan kontraknya telah ditamatkan dan digantikan dengan sebuah syarikat dari Perancis
- 3- Hluttaw, Mahkamah tinggi di Burma telah melakukan penyiasata dan mendapati bahawa syarikat tersebut telah melakukan penipuan dengan mengeksport kayu balak sebanyak 56ribu batang kayu balak tanpa rekod selama 2 tahun
- 4- Persuruhjaya tinggi Inggeris-Burma menyatakan bahawa hukuman yang dikenakan oleh Burma terhadap syarikat tersebut adalah adil dan tidak melewati batas undang-undang Burma
- 5- Inggeris tetap tidak berganjak dengan pendiriannya iaitu tidak berpuashati dengan tindakan tersebut dan bersedia untuk menyerang Burma Hulu
- 6- Menteri jajahan India, Lord Randolph Churchill telah menghantar kata dua kepada Burma dan telah memberikan tempoh masa untuk Burma memenuhi tuntutan tersebut
- 7- Inggeris juga menegaskan bahawa setiap wakil Inggeris yang mengadap Raja Thibaw tidak perlu membuka kasut dan pedangnya bagi tujuan keselamatan diri.
- 8- Residen British yang akan ditempatkan nanti di Burma akan disediakan dengan 1000 orang tentera yang penuh dengan kelengkapan disamping satu kapal perang wap bagi tujuan keselamatan.
- 9- Hal ini akan menyebabkan maruah Burma tercemar sebagai sebuah Negara yang berdaulat dan merdeka
- 10-Burma menerusi Raja Thibaw telah menjawab tuntutan daripada British dan melahirkan rasa ketidaksetujuan dengan beberapa perkara yang telah dikemukakan oleh British.

- 11-Walaupun Raja Thibaw berbesar hati untuk membantu perdagangan British di wilayah-wilayah Burma, tetapi Thibaw tidak bersetuju mengenai campur tangan pemerintahan di Burma kerana ia akan menjatuhkan maruah Burma sebagai sebuah Negara yang berdaulat dan merdeka
- 12-Inggeris telah dikecam oleh badan-badan keamanan dunia seperti International Arbitration and Peace Association dan Midlesbrough Society of Funds
- 13-Walaupun terdapat banyak kecaman, Inggeris tetap beranggapan bahawa Burma telah menolak kata dua yan telah diberikan oleh pihak Inggeris
- 14-Akhirnya, Inggeris telah mengisyiharkan perang terhadap Burma

### **KESAN-KESAN PEPERANGAN**

- 1- Pada 11 November 1885, tamatlah Dinasti Konbaung dan system beraja mutlak di Burma apabila Inggeris berjaya menawan Burma Hulu
- 2- Raja Thibaw dan keluarganya telah dibuang negeri ke India
- 3- Burma Hulu telah ditakluki sepenuhnya oleh pihak Inggeris
- 4- Pada Februari 1886, wilayah-wilayah Burma telah disatukan dan ditdbir sebagai wilayah empayar jajahan India dengan Sir Charless Bernard sebagai Persuruhjaya Utama
- 5- Penaklukan tersebut menyebabkan Perancis menarik balik pegawai konsulnya di Burma